



**FAQ PROSEDUR BARU SARINGAN HIV
PRA PERKAHWINAN DI KLINIK KESIHATAN
PERINGKAT NEGERI JOHOR**

FAQ

Bolehkan borang lama digunakan kerana stok yang masih banyak di klinik?

- Borang baru perlu digunakan **berkuatkuasa pada 1 Januari 2021**.
- Sistem Pengurusan Perkahwinan Malaysia (SPPIM telah mengemaskini sistem dimana pemohon (bakal pengantin) boleh memuat turun sendiri serta mencetak borang dalam (2) salinan di laman sesawang SPPIM sebelum hadir ke **klinik kesihatan** untuk menjalani ujian saringan HIV dan mendapatkan pengesahan Pengamal Perubatan.
- Namun, sekiranya bakal pengantin tidak melakukan perkara tersebut, pihak klinik kesihatan perlu membantu bakal pengantin dengan menggunakan borang tersebut sekiranya ada di klinik kesihatan terlibat.

FAQ

Siapakah yang perlu menyediakan sampul surat untuk diisi borang ujian HIV yang telah dilengkapkan?

- Pihak klinik kesihatan perlu menyediakan sampul surat tersebut.
- Sampul surat tersebut hendaklah digamkan dan dicop dengan cop rasmi klinik kesihatan di mana saringan ujian HIV di lakukan.
- Borang ini akan disimpan oleh pemohon/bakal pengantin untuk rujukan sendiri ataupun mana-mana pihak berkepentingan.

FAQ

Perluah Pengamal Perubatan mengisi borang sekiranya pemohon atau bakal pengantin membawa borang yang dikeluarkan oleh JAINJ selain borang yang dikuatkuasakan ini?

- TIDAK PERLU. Pegawai Perubatan hanya perlu mengisi borang saringan Ujian HIV yang diarahkan oleh KKM sahaja bermula 1.1.2021 iaitu 'Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan KKM/ HIV/ SPP01/09 PIND.01/2020'

FAQ

Bagaimanakah pelaksanaan bagi pengisian Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan KKM/ HIV/ SPP01/09 PIND.01/2020'?

- Pegawai Perubatan perlu mengisi 2 borang saringan Ujian HIV yang diarahkan oleh KKM sahaja bermula 1.1.2021 iaitu 'Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan KKM/ HIV/ SPP01/09 PIND.01/2020'
- Bagi negeri Johor, Borang tersebut hendaklah diisi secara 'carbon copy' dengan menggunakan kertas carbon.
- Pegawai Perubatan perlu tulis dengan jelas supaya borang pendua adalah jelas.
- Pegawai Perubatan hendaklah cop dengan cop rasmi cop rasmi (yang mengandungi nama, nombor pendaftaran amalan (MPM) dan nama klinik kesihatan dimana ujian saringan HIV dijalankan) di borang pendua tersebut.
- Sekiranya terdapat klinik kesihatan yang mempunyai fasiliti mesin scan/cetak, borang yang telah dilengkapkan boleh discan untuk simpanan di KK.
- Borang ini hendaklah disimpan dalam fail khas ujian saringan HIV Praperkahwinan sebagai rekod dan rujukan.

FAQ

Senario:

Bakal pengantin lelaki dari negeri lain selain Johor dan membawa borang ujian saringan HIV pra-perkahwinan yang berlainan dengan yang telah dikuatkuasakan.

Soalan : Bolehkah menggunakan borang yang dibawa oleh bakal pengantin tersebut ?

- TIDAK BOLEH.
- Pegawai Perubatan hanya perlu mengisi borang saringan Ujian HIV yang diarahkan oleh KKM sahaja bermula 1.1.2021 iaitu 'Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan KKM/ HIV/ SPP01/09 PIND.01/2020'

FAQ

Adakah kad rawatan bakal pengantin tersebut dibenarkan dibawa pulang setelah saringan dilakukan?

- TIDAK BOLEH.
- Kad rawatan bakal pengantin tidak dibenarkan dibawa pulang dan perlu disimpan di klinik kesihatan sebagai bukti dokumentasi.
- Bagi klinik kesihatan yang mengamalkan home based card dan tiada ruangan untuk penyimpanan kad rawatan, inovasi perlu dilakukan untuk memastikan kad tersebut disimpan dengan baik.

Contoh : dikepilkan bersama borang saringan Hiv Praperkahwinan dan disimpan dalam fail khas.

FAQ

Apakah yang dimaksudkan dengan PENGAMAL PERUBATAN KERAJAAN?

- Berdasarkan Akta Perubatan 1971, Pengamal Perubatan Kerajaan adalah dimaksudkan dengan **Pegawai Perubatan yang Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.**
- Pegawai Perubatan yang bertanggungjawab hendaklah memastikan mengisi maklumat yang diperlukan didalam borang dengan jelas beserta tandatangan dan cop rasmi (yang mengandungi nama, nombor pendaftaran amalan (MPM) dan nama klinik kesihatan dimana ujian saringan HIV dijalankan.

SULIT

BORANG KKM/HV/SPP01/09 PIND.01/2020
NO. RUJUKAN: _____



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN
BAHAGIAN 1: (DIISI OLEH PEMOHON)

Saya _____
(Nama bakal pengantin)

Alamat _____
(Alamat semasa)

No. Kad Pengenalan/ No. Pasport _____
No. Tel _____ dengan ini **BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU** secara sedar dan tanpa sebarang paksaan untuk menjalani ujian saringan HIV dan ujian-ujian lain yang berkaitan, memaklumkan keputusan ujian saringan HIV kepada pasangan dan menjalani sesi kaunseling bersama pasangan sekiranya diperlukan.

Tarikh : _____
Tandatangan : _____
(Pemohon)


BAHAGIAN 2: (DIISI OLEH PENGAMAL PERUBATAN KERAJAAN)

Klinik Kesihatan _____
Saya, Pengamal Perubatan seperti yang dinyatakan di bawah dengan ini mengesahkan bahawa ujian saringan HIV telah dilakukan terhadap Encik/ Cik: _____
di klinik ini dan keputusannya adalah _____
(Nama bakal pengantin)
(Sila nyatakan)

Tarikh : _____
Tandatangan : _____
(Pengamal Perubatan)

Nama & Cop Jawatan: _____

(Nota: Tempoh sah laku pengesahan ujian saringan HIV adalah selama 6 bulan dari tarikh ujian saringan dilakukan)



“pengamal perubatan berdaftar” ertinya seseorang pengamal perubatan yang kepadanya dikeluarkan perakuan pendaftaran sementara di bawah seksyen 12 atau pendaftaran penuh di bawah seksyen 14;

“pengamal perubatan berdaftar penuh” ertinya seseorang pengamal perubatan yang perakuan pendaftaran penuh dikeluarkan kepadanya di bawah seksyen 14;


“pengamal perubatan berdaftar sementara” ertinya seseorang pengamal perubatan yang dikeluarkan perakuan pendaftaran sementara kepadanya di bawah seksyen 12;

FAQ

SULIT

BORANG KKM/HIV/SPP01/09 PIND.01/2020

NO. RUJUKAN: _____



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN

BAHAGIAN 1: (DIISI OLEH PEMOHON)

| 1 | 2 | 3 | No Peng Pd |
|------|------------|-----------------|------------|
| Bil | Tarikh | Nama | |
| 1804 | 15/10/2020 | Muhammad Fauzan | 8200 |
| 1807 | 15/10/2020 | Amirul Hafid | 0011 |
| 1808 | 15/10/2020 | Amirul Hafid | 0011 |
| 1809 | 15/10/2020 | Amirul Hafid | 9100 |
| 1810 | 15/10/2020 | Amirul Hafid | 9600 |
| 1811 | 15/10/2020 | Amirul Hafid | 9200 |
| 1812 | 15/10/2020 | Amirul Hafid | 9600 |
| 1813 | 15/10/2020 | Amirul Hafid | 9600 |

Apakah nombor rujukan yang patut digunakan di 'Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan KKM/ HIV/ SPP01/09 PIND.01/2020'

NAMA SINGKATAN PKD / NAMA SINGKATAN KK / NO SIRI UJIAN DALAM BUKU DAFTAR UJIAN PRAPERKAHWINAN/ TAHUN UJIAN DIJALANKAN

CONTOH:

PKD KOTA TINGGI / KK SUNGAI RENGIT / 1 / 2021

MAKA NO RUJUKAN ADALAH:-

PKDKT/KKSR/1/2021

/ NO SIRI UJIAN DALAM BUKU DAFTAR UJIAN PRAPERKAHWINAN

FAQ

Apakah nombor rujukan masih patut digunakan di 'Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan KKM/ HIV/ SPP01/09 PIND.01/2020' sekiranya bakal pengantin telah membawa borang SSPIM yang mempunyai nombor rujukan?

Walaupun borang ujian saringan HIV praperkahwinan daripada sesetengah pejabat agama islam/Pejabat Kadi mempunyai nombor rujukan mereka tersendiri, pihak klinik kesihatan hendaklah mencatatkan semula nombor rujukan yang telah ditetapkan untuk negeri Johor seperti dipersetujui dalam taklimat bertarikh 28.12.2020 (JKNJ(K) 30(4)/156 Jld. (52)) iaitu Ini adalah untuk mengelakkan sebarang duplikasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Nombor rujukan ini juga perlu direkodkan di dalam kad rawatan pesakit dan buku daftar ujian praperkahwinan bagi memudahkan rujukan dibuat pada masa hadapan. Contoh nombor rujukan yang dipersetujui adalah seperti berikut:

**NAMA SINGKATAN PKD / NAMA SINGKATAN KK / NO SIRI UJIAN DALAM BUKU DAFTAR UJIAN
PRAPERKAHWINAN/ TAHUN UJIAN DIJALANKAN**

CONTOH:

PKD KOTA TINGGI / KK SUNGAI RENGIT / 1 / 2021

MAKA NO RUJUKAN ADALAH:-

PKDKT/KKSR/1/2021

FAQ

Adakah klien yang berkahwin di luar Negara perlu menjalani ujian saringan HIV Praperkahwinan juga?

- Ya. Sekiranya klien tersebut hadir ke klinik kesihatan selepas diarahkan oleh Pejabat agama/Pejabat kadi, maka ujianaringan HIV tersebut perlu dilaksanakan sama dengan bakal pengantin.
- Sekiranya mereka tidak membawa boring, dimohon klien tersebut merujuk kepada Pejabat agama/Pejabat kadi di daerah mereka untuk maklumat lanjut.

FAQ

Adakah bakal pengantin perlu menjalani kaunseling pra ujian saringan HIV Praperkahwinan?

- Semua klien yang menjalani ujian praperkahwinan WAJIB diberikan kaunseling Pasca ujian saringan HIV. Tiada kaunseling pra ujian saringan saringan HIV diperlukan memandangkan semua bakal pengantin telah menghadiri kursus HIV praperkahwinan

FAQ

Sekiranya keputusan ujian saringan adalah reaktif, bolehkah borang diserahkan kepada bakal pengantin sebelum ujian pengesahan dijalankan?

- Ya, borang permohonan ujian saringan HIV boleh diserahkan di peringkat keputusan reaktif dan tidak perlu di'tahan' di Klinik Kesihatan sehingga keputusan ujian pengesahan diperolehi seperti di prosedur sebelum ini.
- Ini adalah selaras dengan objektif prosedur borang ini dinamakan sebagai Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan, maka keputusan ujian yang dinyatakan hanyalah untuk saringan.
- Walau bagaimanapun, pengurusan kes yang didapati reaktif ini perlu diteruskan sehingga keputusan pengesahan diperolehi mengikut prosedur yang ditetapkan dalam program pengendalian pesakit HIV (PPHIV).
- Kes yang reaktif hednaklah dirujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga sebelum boring diserahkan kepada bakal pengantin bagi menjalani sesi kaunseling dan perawatan sewajarnya.

FAQ

Bagaimanakah caj pembayaran bagi ujian saringan HIV Praperkahwinan?

- Caj rawatan bagi warganegara MALAYSIA bagi ujian saringan HIV adalah PERCUMA.
- Bakal pengantin hanya perlu membayar caj pendaftaran seperti tertakluk dalam Akta Fi.

FAQ

Sekiranya bakal pengantin adalah bukan warganegara Malaysia, bagaimanakah caj pembayaran ujian saringan HIV Praperkahwinan?

- Caj rawatan bagi bukan warganegara adalah tertakluk kepada Akta Fi sedia ada.

FAQ

Sekiranya bakal pengantin memang telah didagnosa sebagai HIV, adakah perlu untuk menjalani ujian saringan HIV dan Ujian pengesahan HIV lagi?

- TIDAK PERLU.
- Sekiranya klinik kesihatan yang tersebut mempunyai dokumentasi menunjukkan telah positif HIV, bahawa bakal pengantin tersebut memang telah didagnosa sebelum ini, tidak perlu ulangi ujian saringan dan pengesahan HIV lagi.
- Pegawai Perubatan hendaklah memastikan dokumentasi dan kaunseling yang jelas di dalam kad rawatan HIV pesakit tersebut.
- Pegawai Perubatan hendaklah memaklumkan/ merujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga bagi memastikan bakal pengantin patuh pada rawatan bagi mengelakkan jangkitan kepada pasangan/ bayi nanti.

FAQ

Sekiranya keputusan ujian saringan adalah reaktif, bolehkah sampel yang sama digunakan untuk penghantaran ujian HIV pengesahan?

- TIDAK BOLEH. Sampel kedua hendaklah diambil untuk dihantar sebagai ujian HIV pengesahan Surat Pekeliling KPK Bil 1/2020 Carta Aliran Ujian Saringan dan Pengesahan HIV.
- Ini adalah untuk memastikan integriti ke atas sampel yang dihantar/ diuji.

FAQ

Bagaimana jika bakal pengantin tidak memberi persetujuan di Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan?

- Sekiranya pemohon / bakal pengantin TIDAK BERSETUJU, anggota kesihatan di Klinik Kesihatan tidak akan meneruskan ujian saringan HIV kepada beliau.

FAQ

Bagaimana untuk memastikan bakal pengantin/pemohon adalah orang yang sama dengan pemohon yang menjalani saringan ujian HIV?

- Pihak klinik kesihatan terutamanya Paramedik yang menjalankan ujian saringan HIV dan Pegawai Perubatan yang menandatangani borang saringan ujian HIV hendaklah membuat semakan dengan kad pengenalan atau sebarang dokumen berkaitan bagi mengesahkan pemohon adalah sama dengan orang yang menjalani ujian. Ini adalah untuk mengelakkan kesilapan atau tertukar orang yang disaring.

FAQ

Apa yang perlu dilakukan sekiranya bakal pengantin tidak bersetuju untuk menjalani kaunseling bersama bakal suami / isteri?

- Pihak Pejabat Undang-Undang (PUU) menjelaskan Surat 'Pemberitahuan Status Jangkitan HIV kepada Pasangan (Partner Notification) bertarikh 25 Januari 1997 dengan no rujukan (23) dlm.KKM-171(99/4/8), '*partner notification*' adalah terpakai kepada bakal pasangan yang akan berkahwin
- Ini adalah kerana, tujuan untuk menjalani ujian saringan HIV adalah untuk bakal pengantin mengetahui status HIV diri sendiri. Mereka juga komited untuk berkahwin dan hidup bersama pasangan mereka. Maka sewajarnya mereka juga menjalani kaunseling bersama pasangan.
- Kaunseling *post-test* perlu memberi penekanan kepada kepentingan kaunseling bersama pasangan supaya mereka dapat meneruskan perkahwinan tanpa menjangkiti pasangan.

FAQ

Apa yang perlu dilakukan sekiranya pasangan bakal pengantin tidak hadir bersama semasa saringan ujian HIV dijalankan atau berada di luar daerah/negeri?

- Pegawai Perubatan hendaklah berbincang dengan Pakar Perubatan Keluarga dan disarankan menggunakan inovasi sedia ada bagi memastikan pasangan diberi kaunseling bersama terutamanya sekiranya disahkan REAKTIF.
- Contohnya
 - a) menggunakan telekonsultasi atas talian.
 - b) FMS boleh menghubungi PKD/KK berhampiran dengan pasangan untuk membantu kaunseling pasangan tersebut.

FAQ

Bolehkah keputusan positif HIV dimaklumkan kepada pihak keluarga untuk tujuan kaunseling oleh Jabatan Agama Islam Negeri?

- Selaras dengan '*Malaysian Medical Council (MMC) Guidelines on Confidentiality*' di mana seseorang Pengamal Perubatan hendaklah memastikan segala data dan maklumat pesakit dilindungi serta hanya boleh dimaklumkan kepada individu lain dengan kebenaran daripada pesakit sendiri.
- Bakal Pengantin perlu merujuk isu ini kepada Jabatan Agama Islam Negeri sendiri untuk maklumat lanjut kerana ia bukan di bawah tanggungjawab pengamal perubatan di klinik kesihatan.

FAQ

Adakah perlu notifikasi dilakukan sekiranya ujian saringan HIV menggunakan rapid test kit HIV didapati reaktif?

- Tidak perlu.
- Notifikasi perlu dibuat selepas ujian pengesahan HIV dilakukan dan disahkan positif.
- Notifikasi perlu dibuat menggunakan system Enotifikasi bagi mengekakan kerahsiaan dokumentasi.

FAQ

Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya bakal pengantin yang telah disahkan positif hiv melalui ujian pengesahan tidak dapat dikesan/ tidak hadir temujanji ?

- Sekiranya didapati pemohon/bakal pengantin yang didapati ujian pengesahan HIV adalah positif, tetapi beliau tidak dapat dihubungi untuk hadir ke klinik kesihatan, pegawai perubatan yang bertanggungjawab hendaklah **melaporkan secara bertulis melalui email** kepada Pegawai Kesihatan Daerah bagi mendapatkan bantuan pegawai di Unit HIV/STI/Hepatitis C daerah masing-masing untuk proses pencarian dan pengesanan kes.
- Laporan tersebut perlu diuruskan melalui email dan dilabelkan sebagai **SULIT** bagi memastikan kerahsiaan pesakit.
- Bagi mengelakkan kejadian ini, pihak klinik kesihatan hendaklah memastikan mengambil butiran pemohon yang terkini dan sebarang dokumen/butiran berkaitan semasa kaunseling pra ujian pengesahan bagi memudahkan pengesanan dilakukan.

FAQ

Sekiranya pemohon atau bakal pengantin telah membuat ujian saringan HIV di fasiliti swasta/makmal swasta/ fasiliti selain klinik kesihatan yang dihadiri pada waktu tersebut, bolehkah laporan keputusan ujian tersebut digunakan bagi mengisi borang ujian saringan pra perkahwinan?

- Laporan Ujian HIV tersebut **TIDAK BOLEH** digunapakai bagi memenuhi borang pra perkahwinan bagi mengelakkan pemalsuan keputusan ujian.
- Ujian saringan HIV perlu dibuat semula di klinik kesihatan mengikut prosedur di dalam *Surat Edaran Berkaitan Penggunaan Borang Ujian Saringan Pra Perkahwinan Yang Selaras Bagi Negeri-Negeri Dan Kemaskini Prosedur Ujian Saringan Hiv Pra Perkahwinan Di Klinik Kesihatan Bertarikh 1 Disember 2020 nombor rujukan KKM.600-29/4/120 JLD2 85.*

FAQ

Bagaimana pula dengan keputusan ujian saringan HIV pra perkahwinan yang dibuat di luar negara, adakan keputusan ini diterima?

- **TIDAK DITERIMA.** Pemohon perlu membuat ujian saringan semula di klinik kesihatan dan mendapatkan pengesahan Pegawai Perubatan.

FAQ



PANDUAN SARINGAN HIV DI KLINIK 1 MALAYSIA


KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


2015

- 2 -

Bolehkan ujian saringan HIV pra perkahwinan di buat di klinik komuniti?

- Ujian saringan HIV pra perkahwinan HANYA boleh di jalankan di Klinik Komuniti yang mempunyai PEGAWAI PERUBATAN SAHAJA selaras dengan Panduan Saringan HIV di Klinik 1 Malaysia 2015 dan surat pekeliling KPK Bil 9/2015.

 KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel : 03-8883 2545
Faks : 03-8889 5542
Web : anisham@moh.gov.my

KKM.600-29/4/120(1A)
29 Januari 2016

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL 9/2015

PELAKSANAAN UJIAN SARINGAN HIV DI KLINIK 1 MALAYSIA
(K1M) DAN DI URBAN TRANSFORMATION CENTER (UTC)

1. TUJUAN

Memaklumkan pelaksanaan ujian saringan HIV di Klinik 1 Malaysia (K1M) dan *Urban Transformation Center* (UTC) sebagai aktiviti saringan yang perlu dilakukan oleh anggota paramedik (Penolong Pegawai Perubatan atau Jururawat Kesihatan) yang terlatih atau Pegawai Perubatan yang bertugas di fasiliti ini, di seluruh Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

Aktiviti saringan HIV telah dimulakan pada tahun 1985 iaitu selepas kes pertama AIDS dikesan di dunia. Buat masa ini pelbagai program saringan sedang dilaksanakan bagi pengesanan awal jangkitan HIV. Ini membolehkan tindakan rawatan *Anti-retroviral* (ARV), penjagaan dan sokongan dapat diberikan lebih awal kepada pembawa virus ini dan seterusnya menyekat penularan penyakit kepada masyarakat. Ia seiring dengan saranan WHO, "Screening is the first step to HIV prevention and critical linkage for ARV treatment".

c. Jenis-jenis Ujian Saringan HIV

- i. Klinik 1 Malaysia (dengan Pegawai Perubatan):
- Saringan HIV dengan nama (VCT):
 - Sukarela
 - Saringan kontak
 - Saringan kepada kes TB/ STI/Hepatitis B/C
 - Pra Perkahwinan
 - Saringan HIV Tanpa Nama (Anonymous)
 - Saringan HIV kepada ibu hamil (sekiranya terdapat perkhidmatan & penjagaan antenatal)
- ii. Klinik 1 Malaysia (tanpa Pegawai Perubatan)
- Saringan HIV dengan nama (VCT):
 - Sukarela
 - Saringan kontak
 - Saringan HIV Tanpa Nama (Anonymous)

d. Kaedah Ujian

Ujian saringan HIV akan dijalankan menggunakan kaedah ujian segera (*Rapid test*). Sekiranya didapati 'reaktif', individu akan dirujuk kepada pegawai perubatan di klinik kesihatan yang berhampiran untuk ujian pengesahan.

e. Prosedur Ujian Saringan HIV

Individu yang ingin menjalani ujian HIV boleh pergi ke Klinik 1 Malaysia. Prosedur ujian saringan HIV adalah seperti dinyatakan di bawah:

- Klien hendaklah mendaftarkan diri di kaunter pendaftaran.
- Klien dikehendaki berjumpa dengan Penolong Pegawai Perubatan (U29/U32) / Jururawat Kesihatan (U29/U32) / Pegawai Perubatan di Klinik 1 Malaysia untuk menjalani

FAQ

Bolehkan ujian saringan HIV pra perkahwinan di buat di hospital atau klinik swasta?

- TIDAK. Ujian saringan HIV pra perkahwinan HANYA boleh di jalankan di Klinik Kesihatan Kerajaan sahaja selaras dengan *Surat Edaran Berkaitan Penggunaan Borang Ujian Saringan Pra Perkahwinan Yang Selaras Bagi Negeri-Negeri Dan Kemaskini Prosedur Ujian Saringan Hiv Pra Perkahwinan Di Klinik Kesihatan Bertarikh 1 Disember 2020 nombor rujukan KKM.600-29/4/120 JLD2 85.*

FAQ

Bolehkan ujian saringan HIV pra perkahwinan di buat di hospital atau klinik swasta?

- TIDAK. Ujian saringan HIV pra perkahwinan HANYA boleh di jalankan di Klinik Kesihatan Kerajaan sahaja selaras dengan *Surat Edaran Berkaitan Penggunaan Borang Ujian Saringan Pra Perkahwinan Yang Selaras Bagi Negeri-Negeri Dan Kemaskini Prosedur Ujian Saringan Hiv Pra Perkahwinan Di Klinik Kesihatan Bertarikh 1 Disember 2020 nombor rujukan KKM.600-29/4/120 JLD2 85.*

FAQ

Adakah masa-masa /harihari tertentu sahaja dihadkan untuk klinik kesihatan meyediakan perkhidmatan ujian saringan HIV Pra Perkahwinan ?

- Masa atau slot bagi perkhidmatan prosedur ujian saringan HIV Pra Perkahwinan hendaklah diberikan setiap hari selaras dengan surat Pengarah Kesihatan bertarikh 6 November 2012 no rujukan 25 KKM-71/BKP/10/50/0739 bertajuk Ujian Saringan HIV Praperkahwinan.
- Bakal pengantin digalakkan untuk menggunakan aplikasi semasa bagi mendapatkan tarikh temujanji di klinik kesihatan.
- Namun ia adalah tertakluk kepada budibicara klinik kesihatan sekiranya bakal pengantin hadir tanpa temujanji.

**Sebarang pertanyaan boleh
hubungi:**

**Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kesihatan Awam
Jabatan Kesihatan Negeri Johor**

